

14 MAR 1996

PM Pengerusikan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempengerusikan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini.

Mesyuarat itu bermula pukul 2.45 petang dengan dihadiri oleh Menteri Besar dan Ketua Menteri negeri-negeri di bawah pentadbiran Barisan Nasional. Sarawak diwakili oleh Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Wong Soon Wai.

Anggota-anggota kabinet yang turut hadir termasuk Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Datuk Osu Sukam.

Dr Mahathir, Menteri Besar dan Ketua Menteri pagi tadi menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-raja yang diadakan di Bangunan Parlimen. -- BERNAMA  
RA SJA NMO